

Headline **300,000 akan dijangkiti HIV/AIDS menjelang 2015**
Date **01 Jan 2011**
MediaTitle **Harian Ekspres (KK)**
Section **Tempatan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **29,826 / 97,836**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **146 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **752**
PRValue **2,256**



300,000 akan dijangkiti HIV/AIDS menjelang 2015

KOTA KINABALU: Lebih kurang 300,000 orang di negara ini akan menjangkiti penyakit HIV/AIDS menjelang tahun 2015 jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil secara komprehensif.

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Edward Yong berkata 80 peratus daripada pesakit-pesakit HIV/AIDS adalah rakyat di lingkungan umur 20 hingga 39.

Beliau berkata demikian semasa melancarkan Program Outreach HIV/AIDS di dewan raya Kg Tanjung Aru Lama baru-baru ini. Ucapan beliau telah dibacakan oleh wakil beliau, Encik Malai S. Deo.

"Adalah dicatatkan bahawa 33.12 peratus daripada mereka yang menyidap penyakit HIV/AIDS merupakan suri rumahtangga sepenuh masa.

"Angka ini amat membimbangkan dan maka kita, samada sebagai ahli politik, pemimpin-pemimpin agama, pegawai kerajaan atau ahli-ahli NGO harus berkerjasama untuk mengurangkan serta mencegah penyebaran penyakit ini," tambah beliau.

Edward juga memberitahu bahawa selain HIV/AIDS, penyalahgunaan dadah adalah juga satu masalah besar bagi negara kita. Beliau menambah bahawa 80 peratus daripada penagih-penagih dadah yang menggunakan suntikan juga aktif dalam hubungan seks samada dengan pasangan perkahwinan mereka atau teman lelaki atau perempuan mahupun pelacur.

"Hanya 15 peratus daripada mereka menggunakan kondom semasa mengadakan hubungan seks. Ini bererti bahawa seorang penagih dadah yang menggunakan suntikan sebenarnya menghadapi risiko sebanyak dua kali ganda.

"Yang pertama, mereka terjangkit melalui suntikan dan kemudian mereka menjangkiti orang lain melalui hubungan seks yang tidak terlindung," katanya.

Beliau menambah bahawa kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa HIV/AIDS kini bukan hanya merebak di kalangan penagih dadah tetapi juga pemandu lori, nelayan, pekerja kilang dan lain-lain pekerja. Maka program kesedaran harus terus dijalankan terutama dikalangan orang muda kerana mereka merupakan golongan yang muda terpedaya.

"Menurut kajian, 5 hingga 18 peratus daripada para remaja terlibat dalam hubungan seks sebelum kahwin dan 2 hingga 14 peratus terdedah kepada dadah.

"Kerajaan sedang berusaha membantu golongan beliau dengan melibatkan mereka dalam bengkel dimana kita mendengar masalah mereka supaya di masa depan kita boleh mengatur program kita mengikut kesesuaian," katanya.



Para peserta program tersebut.